

MW/MTIII2025/PC

MTIII 2025 : UCAPAN PRESIDEN

Assalamu'alaikum

Para tetamu yang dihormati, rakan media dan rakan seperjuangan dalam kawalan tembakau & kesihatan awam.

Saya berada di sini dengan rasa penuh tanggungjawab, ingin kongsi hasil dapatan tentang situasi di Malaysia yang kian kritikal dan mendesak. Hari ini, MyWATCH melancarkan Indeks Pengaruh (Campur Tangan) Industri Tembakau Malaysia 2025 (MTIII-2025) — edisi keenam dalam siri dwitahunan kami, yang dibangunkan dengan kerjasama rapat pihak Southeast Asia Tobacco Control Alliance (SEATCA). Selama lebih sedekad, MyWATCH menerima sokongan padu dari SEATCA — khususnya melalui Dr. Mary Assunta — dalam menghasilkan laporan-laporan ini. Pada kesempatan ini, MyWATCH ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Mary Assunta atas bimbingan dan kerjasama beliau.

Majlis hari ini bukan sekadar untuk berkongsi dapatan data, tetapi lebih penting lagi untuk menggerakkan tindakan — kerana industri tembakau tidak pernah berehat; maka kita juga tidak boleh berdiam diri.

MENGAPA MTIII PENTING?

MTIII bukan sekadar sebuah laporan; ia adalah cermin, isyarat amaran, dan alat untuk menghimpunkan kekuatan. Berdasarkan metodologi Tobacco Industry Interference Index global, ia menilai sejauh mana industri tembakau — dan agen proksinya — mampu menyusup, mempengaruhi, atau menggagalkan dasar kesihatan awam. Lebih penting lagi, ia mendedahkan bagaimana Kerajaan Malaysia, di semua peringkat, bertindak balas atau gagal menangkis pencerobohan tersebut.

Keberkesanan bagi kawalan tembakau menuntut agar Kerajaan bukan sahaja menggubal undang-undang, tetapi juga melindungi institusi, proses, dan pegawai berkaitan dengan perundangan tersebut daripada dipengaruhi oleh pihak korporat. Artikel 5.3 WHO Framework Convention on Tobacco Control

(WHO FCTC), instrumen undang-undang antarabangsa yang Malaysia telah menjadi Pihak (Party) sejak 2005, menyediakan kerangka perlindungan itu. Namun dapatan kami menunjukkan Malaysia berada dalam keadaan amat membimbangkan.

DAPATAN UTAMA MTIII-2025

1. Akses & Pengaruh Industri yang Meningkat

Walaupun retorik kesihatan awam terus diperkatakan, pegawai atasan dalam pelbagai agensi Kerajaan/ kementerian masih melayan jemputan, kerjasama, dan “konsultasi” bersama pihak syarikat tembakau serta agen proksi mereka. Interaksi ini sering digambarkan sebagai “penting untuk pengawalseliaan” tetapi ianya tidak telus, tanpa had yang jelas.

2. CSR sebagai “Kuda Trojan”

Industri tembakau terus menunggang program tanggungjawab sosial korporat (CSR) seperti pembersihan alam sekitar, geran pembangunan komuniti, program belia, dan kempen “anti-sampah” untuk mendapatkan legitimasi sosial, akses kepada pembuat dasar, serta mempengaruhi agenda kawal selia.

3. Keistimewaan, Penangguhan & Pengecualian diberikan kepada pihak industri. Indeks 2025 mengesan insiden baharu di mana pelaksanaan/ peruntukkan undang-undang ditangguhkan, peraturan dilemahkan, atau pengecualian diberikan di bawah tekanan industri — khususnya melibatkan produk baharu seperti produk tembakau dipanaskan dan rokok elektronik. Kelonggaran diberikan secara ad hoc atas alasan “inovasi,” “pekerjaan,” atau “hasil cukai.”

4. Ketidak telusan, Pengawasan Lemah & Jurang Pendedahan

Banyak mesyuarat/ perbincangan/ interaksi dengan pihak industri tidak direkodkan. Ketiadaan rekod minit mesyuarat, daftar pelobi, atau peraturan pendedahan mandatori menyebabkan orang awam tidak dapat meneliti siapa pegawai yang ditemui, bila, dan hasilnya.

5. Konflik Kepentingan & “Revolving Door”

Terdapat kes membimbangkan di mana bekas pegawai kerajaan atau ahli keluarga mereka dilantik sebagai perunding syarikat tembakau/ vape selepas bersara — atau dalam masa sama berkhidmat dalam badan penasihat yang mempunyai fungsi pengawasan. Mekanisme untuk mengurus atau menghalang konflik ini adalah lemah atau tidak dikuatkuasakan.

6. Ketiadaan Langkah Pencegahan

Dokumen kod etika, yang telah sekian lama dinanti-nantikan, untuk menetapkan garis panduan bagi perlakuan penjawat awam dalam berurusan dengan industri tembakau masih belum dilengkapkan/ terbengkalai. Prosedur untuk memantau pematuhan, menghukum pelanggaran, atau melindungi pemberi maklumat hampir tidak wujud.

Keseluruhannya, berbanding laporan 2021 dan 2023, skor Malaysia dalam Indeks 2025 kekal tinggi; mencerminkan tahap campur tangan pihak industri yang berterusan dan semakin meningkat.

TREND & PRESTASI MALAYSIA: 2021 → 2023 → 2025

2021: Malaysia mencatat skor 66 (skor lebih tinggi = lebih banyak campur tangan).

2023: Skor melonjak ke 76, menunjukkan kemerosotan ketara daya tahan institusi terhadap tekanan industri.

2025: Skor Malaysia meningkat lagi ke 77, mengekalkan trend menaik (lebih buruk), dengan lebih banyak bukti campur tangan menembusi saluran dasar.

Apa maksudnya?

1. Kemunduran – Dalam tempoh 4 tahun, Malaysia tidak memperkukuh perlindungan, malah semakin lemah.

2. Industri lebih pantas daripada tadbir urus – Produk baharu (vape, HTP) membuka ruang industri mengeksploitasi kelompongan. Institusi kita tidak bersedia.

3. Momentum tidak berkekalan – Cadangan dasar yang baik (contohnya Generational Endgame/GEG) lumpuh akibat tentangan pihak industri/ agen proksi.

Analisa Indeks 2023 telahpun memberi amaran bahawa campur tangan industri tembakau semakin buruk di Malaysia — dengan tindakan Kementerian Kesihatan men-de-klasifikasikan bahan nikotin daripada senarai dalam Akta Racun, tiadanya kenaikan cukai eksais tembakau, kelewatan proses diwujudkan undang-undang khusus, serta lobi pihak industri di kementerian2 lain yang tidak berkaitan dengan kesihatan. Namun, malangnya, hasil 2025 mengesahkan amaran itu tidak diendahkan.

IMPLIKASI

Trend peningkatan campur tangan membawa akibat besar:

1. Melemahkan integriti dasar kesihatan awam— menjadikan pengawalseliaan diselindungi sebagai rundingan.

2. Melambatkan atau melemahkan langkah2 yang boleh menyelamatkan nyawa seperti peruntukan bagi pembungkusan polos kotak tembakau (tobacco plain packaging), larangan mempaparkan produk tembakau di kaunter penjualan, peningkatan percukaian tembakau, atau larangan tertentu bagi generasi muda.

3. Menghakis kepercayaan rakyat — rakyat berhak tahu bahawa keputusan dasar dibuat berasaskan bukti sains dan kesihatan, bukan atas pengaruh pihak industri.

4. Menggugat komitmen FCTC Malaysia dan kredibiliti antarabangsa.

Ringkasnya: jika campur tangan industri tembakau tidak ditangani, dasar kawalan tembakau kita akan menjadi sekadar sandiwara.

SYOR

Kepada Kementerian Kesihatan (sebagai Sekretariat FCTC Malaysia), Jemaah Menteri, agensi berkaitan, dan semua pejuang kawalan tembakau, MyWATCH menegaskan syor segera yang tidak boleh dikompromi:

1. Gubal & kuatkuasakan Kod Etika Nasional untuk penjawat awam berinteraksi dengan industri tembakau

Melarang penerimaan hadiah, tajaan, atau sumbangan daripada syarikat tembakau/vape.

Mewajibkan supaya didedahkan awal rekod minit mesyuarat secara terbuka, serta hukuman atas pelanggaran.

Perlindungan pemberi maklumat & pengawasan bebas.

2. Perkukuh mekanisme ketelusan

Daftar awam semua pelobi industri & organisasi/ agen proksi.

Semua interaksi mesti direkod & didedahkan tepat pada masanya.

Pihak industri mesti menyerahkan pendedahan dokumen berkala tentang pemasaran, lobi, hubungan kewangan, program CSR, dan data produk.

3. Peraturan ketat bagi percanggahan kepentingan (conflict of interest)

Adakan peruntukan bagi larangan kepada bekas penjawat awam untuk menyertai syarikat tembakau/vape selama tempoh tertentu.

Melarang wakil pihak industri untuk menyertai sebarang jawatankuasa penasihat, penggubalan dasar atau badan rasmi mana2 kementerian.

Kecualikan pihak industri dan agen proksi mereka daripada menjadi anggota delegasi ke sidang conference of parties (COP) atau mesyuarat WHO FCTC.

4. Hadkan & kawalkan interaksi dengan pihak industri — hanya bila benar-benar diperlukan.

Interaksi mesti telus, direkod, dan terhad kepada pengawasan, bukan penggubalan dasar.

Tolak tawaran kerjasama, “kod sukarela,” atau CSR industri.

5. Tolak sebarang kerjasama, tajaan, atau insentif dari/ dengan pihak industri

Agensi kerajaan tidak boleh menerima dana atau tajaan dari industri.

Pihak syarikat tembakau/vape/HTP tidak diberikan apa2 insentif seperti pengecualian cukai atau kemudahan bagi import

Pastikan agensi pelaburan kerajaan tidak mempunyai apa2 kaitan dengan industri tembakau.

6. Libatkan semua kementerian — khususnya kewangan, perdagangan, pertanian, alam sekitar dengan memasukkan mereka dalam libatulus berhubung Artikel 5.3 WHO FCTC.

Latihan rentas kementerian mengenai taktik industri mesti diwajibkan.

7. Kembalikan & percepatkan kelulusan bagi peruntukan tegas berkaitan GEG dalam Akta Kawalan Produk Tembakau & Merokok.

8. Beri sokongan padu kepada masyarakat sivil untuk aktiviti kawalan tembakau termasuk menjalankan pemantauan bebas dalam memastikan tiada pengaruh pihak industri

Sumber kewangan diperuntukkan kepada NGO untuk pemantauan bebas, siasatan media, & pematuhan ketelusan.

Libatkan masyarakat sivil dalam pengawasan dengan saluran selamat untuk melaporkan campur tangan.

PENUTUP: SAAT UNTUK KEPIMPINAN MORAL

Hari ini kita bukan sekadar melancarkan laporan, tetapi menghadapi ancaman yang menyeluruh. Industri tembakau licik — ia menyamarkan campur tangan sebagai kerjasama, pengaruh sebagai jemputan, dan penangguhan sebagai kebijaksanaan. Jika penyamaran itu tidak dicabar, visi kesihatan awam kita akan runtuh dari dalam.

Malaysia berhak kepada dasar yang digubal demi kepentingan rakyat, bukan direka oleh kepentingan korporat. Biarlah MTIII-2025 ini menjadi lebih daripada sebuah penerbitan — biarlah ia menjadi pencetus reformasi institusi. Dari retorik, marilah kita bergerak ke arah ketahanan. Mari kita bina tembok integriti, ketelusan, dan akauntabiliti.

Kepada Kementerian Kesihatan, semua agensi kerajaan, Parlimen, dan setiap pejuang kesihatan di Malaysia: masanya sudah tiba. Mari kita bangkit bersama, rebut kembali tadbir urus daripada campur tangan, dan serahkan masa depan yang lebih sihat kepada anak-anak serta negara kita.

Terima kasih.

Roslizawati Md Ali
MyWATCH President 2025/2026
+6012 234 0482 / <nhhhliza@yahoo.co.uk>